

**TEKNIK PEMBIMBING RAKAN SEBAYA
MEMBANTU MENGUASAI IQRA' BAGI
MURID TAHUN DUA**

ELIAS BIN MUHAMMAD SIDEK

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**TEKNIK PEMBIMBING RAKAN SEBAYA MEMBANTU MENGUASAI
IQRA' BAGI MURID TAHUN DUA**

Elias bin Muhammad Sidek

(No. Matrik : 1122555)

**Latihan Ilmiah Ini Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Syarat
Memperolehi**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN**

**Fakulti Pengajian Bahasa Utama
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Nilai

JULAI 2016

PENGAKUAN PENYELIDIK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil tulisan dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 5hb Julai 2016

Tandatangan :
Nama Calon : Elias bin Muhammad Sidek
No Matrik : 1122555
Alamat : Lot 676, Kampung Pulau Melaka
16150 Kota Bharu, Kelantan

PENGESAHAN

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan penyelidikan ini dan pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah”.

Tandatangan :

Nama Penyelia Latihan Ilmiah : DR. KIREMBWE RASHID ABDUL HAMED

Tarikh :

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya, akhirnya saya telah mampu menyiapkan penulisan ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada **DR KIREMBWE RASHID ABDUL HAMED** selaku penyelia yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan, motivasi dan tunjuk ajar di sepanjang tempoh menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penaja saya iaitu Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) dan murid Tahun Dua yang terlibat sebagai responden kerana telah memberikan kerjasama ketika saya perlu menggunakan sampel di sekolah berkenaan. Semoga komitmen dan sokongan akan terus diberi kepada kajian-kajian yang akan dijalankan bagi tujuan ilmiah pada masa akan datang.

Penghargaan teristimewa juga kepada keluarga tersayang yang banyak memberikan kerjasama dan dorongan untuk menyiapkan disertasi ini. Terutama sekali buat isteriku yang tercinta : **Norazlina binti Ahmad**, anak-anak yang dikasihi: **Nur Izzah Hanim, Muhamad Iffat, Muhamad Ifwat dan Nor Iffah Hana** – semoga berbahagia selalu.

Tidak dilupakan pengorbanan yang tidak ternilai buat semua rakan-rakan PPG USIM Kohort 3 yang dikasihi. Terima kasih di atas kasih sayang dan doa kalian. Kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama-sama. Harapanku semoga kajian ini diberkati Allah. Sekian.

ELIAS BIN MUHAMMAD SIDEK
LOT 676, KAMPUNG PULAU MELAKA,
16150 KOTA BHARU,
KELANTAN.

ABSTRAK

Matlamat pembelajaran di sekolah adalah pencapaian akademik yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Subjek Pendidikan Iqra' merupakan subjek yang tergolong dalam Pendidikan Islam. Subjek Pendidikan Iqra' memerlukan murid mengenal, menghafal, mengingat dan menyebut dengan baik. Selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang, maka aspek pendidikan Iqra' turut diberi penekanan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kemahiran membaca Tahap Satu dengan pencapaian akademik dikalangan murid tahun dua. Data dipungut berdasarkan 30 item yang dibina berasaskan dengan menggunakan soal selidik yang telah diubah suai daripada beberapa kajian terdahulu berkaitan dengan latar belakang diri dan keluarga responden. Bahagian B berkaitan dengan aspek motivasi murid terhadap Iqra' (10 item) dan Bahagian C adalah aspek pencapaian ujian prestasi murid. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistik Deskriptif dan statistik Inferensi dengan menggunakan perisian SPSS Windows Ver 19. Ujian ANOVA Sehalu digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Aras kepastian 0.05 digunakan untuk tujuan ini. Oleh itu bagi tujuan kajian masa depan, pengkaji mencadangkan agar keseluruhan populasi digunakan untuk menggambarkan hasil dapatan yang lebih konsisten perlu dibuat perbandingan antara responden di kawasan bandar dan di luar bandar, penggunaan kepelbagaian pemerolehan data dan kajian bersama melibatkan badan-badan swasta untuk memartabatkan bacaan Iqra' dikalangan murid.

ABSTRACT

The goal of teaching in schools is academic excellence, glory and distinction. Iqra' learning is a subject which belongs in Education of Islam. Iqra' education require students to recognize, memorize, remember and mentioned well. In line with the National Education Philosophy to produce balanced human, thus the education aspect also emphasized Iqra'. This study is to see the extent of Iqra' reading skills achievement among students of primary two from level one. Data collected on 30 items built on by using questionnaire was modified from previouslys reseach which is related with personal and family background of respondent. Part B deal with aspects of pupils' interest in Iqra' (10 items), while Part C is aspects of academic achievement of students. The data obtained was analyzed using the Statistical Descriptive and Statistical Inference using SPSS Windows Version 19. One way test ANOVA and was used to test the hypotheses of this study. 0:05 certainty was used for this purpose. Therefore, for the future studies, researcher suggests that the overall population will be used to obtain a more consistent finding. Comparison between respondents in urban areas and rural areas, usage of diversity data acquisition and joint research with private bodies to uphold Iqra' reading among students should be done.

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.2.1 Objektif Umum	3
1.2.2 Objektif Khusus	4
1.3 Soalan Kajian	4
1.3.1 Adakah murid mengenal huruf Hijaiah dalam Iqra' 1 dan Iqra' 2	5
1.3.2 Adakah murid minat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan Teknik Pembimbing Rakan Sebaya	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	7
1.6 Penutup	8
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Literatur Berkaitan Kajian	9
2.2 Buku Iqra 1 dan Iqra 2	11
2.3 Pendekatan Pengajaran Iqra	12
2.4 Pembimbing Rakan Sebaya	14
2.5 Kajian Berkaitan	15
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Kajian Tindakan	17
3.2 Reka Bentuk Kajian	20
3.3 Instrumen Kajian	24
3.3.1 Borang Soal Selidik	24
3.3.2 Borang Maklumat Murid	24
3.3.3 Ujian Pra	24
3.3.4 Ujian Pos	25
3.4 Pengumpulan dan Pemprosesan Data	25
3.5 Perancangan Cara Menganalisis Data	26
3.6 Penutup	27

BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	29
4.2	Profil Responden	29
4.2.1	Jenis Jantina	30
4.2.2	Pekerjaan Ibumama	30
4.2.3	Pendapatan Ibumama	32
4.2.4	Pengangkutan ke Sekolah	33
4.2.5	Iqra' dan Al-Quran di Rumah	34
4.3	Analisa Borang Soal Selidik	35
4.4	Analisa Ujian Pra Syarat dan Ujian Pasca	42
4.5	Penutup	44
BAB 5:	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	46
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	46
5.2.1	Latar Belakang Responden	47
5.2.2	Penguasaan Pelajar Terhadap Iqra'	47
5.2.3	Sejauh Mana Pelajar Berminat Menguasai Kemahiran Iqra'	48
5.3	Implikasi Hasil Kajian	49
5.4	Rumusan	50
5.5	Cadangan	51
5.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	51
5.5.2	Pusat Perkembangan Kokurikulum	51
5.5.3	Sekolah	52
5.5.4	Ibumama	52
5.5.5	Guru	53
5.5.6	Pelajar	53
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	53
5.7	Kesimpulan	55
BIBLIOGRAFI		56
LAMPIRAN		
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	
LAMPIRAN B	Soalan Ujian Pra	
LAMPIRAN C	Soalan Ujian Pos	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK JADUAL	HALAMAN
3.1	Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart	19
3.2	Cadangan Aktiviti Pemulihan Untuk Mengatasi Masalah Kajian	22
3.3	Rekabentuk Kajian	23
4.1	Borang Analisa Soal selidik Responden	36
4.2	Ujian Pra dan Ujian Pasca	43
4.3	Taburan Responden Sebelum dan Selepas Ujian	45

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK RAJAH	HALAMAN
4.1	Peratus Pecahan Mengikut Jantina Murid	30
4.2	Peratus Pecahan Pekerjaan Bapa	31
4.3	Peratus Pecahan Pekerjaan Ibu	32
4.4	Pecahan Peratusan Pendapatan Keluarga	33
4.5	Pecahan Peratus Pengangkutan ke Sekolah	34
4.6	Mengenalpasti Ada Iqra' dan Al-Quran di Rumah	35
4.7	Perbezaan Jumlah Responden Membaca Iqra' atau Al-Quran di Rumah	38
4.8	Pengakuan Responden Tentang Mempelajari Iqra' atau Al-Quran	39
4.9	Peratusan Iububapa Mengajar Iqra' dan Al-Quran di Rumah	40
4.10	Aspek Pencapaian Ujian Prestasi Responden	42



DECLARATION OF THESIS/ UNDERGRADUATE PROJECT PAPER AND COPYRIGHT

Author's Full Name:

ELIAS BIN MUHAMMAD SIDEK

Student's Number:

1122555

Title:

TEKNIK PEMBIMBING RAKAN SEBAYA MEMBANTU
MENGUASAI IQRA' BAGI MURID TAHUN DUA

Academic Session:

SEM 2 2015/ 2016

I hereby declare that the work in this thesis/ project paper as:

CONFIDENTIAL

Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*

RESTRICTED

Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

OPEN ACCESS

I agree that my thesis to be published as online open access (full text).

I acknowledged that Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) reserves the right as follows:

1. The thesis/ undergraduate project paper is solely owned by Universiti Sains Islam Malaysia as stated in the Universiti Sains Islam Malaysia Intellectual Property Policy.
2. The library of Universiti Sains Islam Malaysia has the right to publish my thesis/ undergraduate project paper as online open access (fulltext) and make copies for the purpose of research or teaching and learning only.

.....
(Signature of Student)

790612-03-5861

.....
(MyKAD No./ Passport No.)

Date:

JULAI 2016

.....
(Signature of Supervisor)

DR. KIREMBWE RASHID ABDUL HAMED

.....
(Name of Supervisor)

Date:

JULAI 2016

*Notes: If the thesis is Confidential or Restricted, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Saya mendapati bahawa murid-murid yang dipilih adalah murid-murid yang mempunyai tahap kecerdasan mental yang rendah, sukar memahami konsep, mudah lupa, tumpuan perhatian yang singkat, kurang berminat dan bermasalah hadir ke sekolah. Justeru sesi pengajaran dan pembelajaran yang dirancang perlu menjurus kepada program mengubah sikap dan tingkah laku, memupuk minat serta mengadakan aktiviti latih tubi yang menyeronokkan secara lisan atau bertulis. Berdasarkan faktor-faktor diatas bolehlah dikatakan sehingga kini, 4 orang murid dari 9 orang murid dalam tahun 2 di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14 (1), Putrajaya masih buta jawi dan Al-Quran.

Saya telah memulakan sesi pengajaran sejak dari pra syarat sekolah sehingga tahun 2 dengan menggunakan kaedah pandang dan sebut, penggunaan carta, kad imbasan serta media elektronik. Namun paling tinggi pencapaian mereka adalah setakat kenal huruf hija'iah yang tidak bersambung dan berbaris diatas dalam buku Iqra' 1 sahaja. Murid-murid ini telah didedahkan dengan Iqra' 1 selama 6 bulan semasa di tahun

1 dan 6 bulan di tahun 2 tetapi hingga kini masih belum menguasai sepenuhnya Iqra' 1 dan Iqra' 2.

Seramai 4 orang masih lagi di tahap Iqra 1 dan Iqra' 2 manakala 3 orang Iqra 3 dan Iqra' 4 dan 2 orang di Iqra' 5. Kajian ini akan memperkenalkan teknik pembimbing rakan sebaya agar berlaku peningkatan dari tahap ke tahap. Dalam salah satu sesi pengajaran dan pembelajaran, mereka dididik menggunakan CD-Rom yang ditayangkan di kaca televisyen, namun mereka tidak berminat menontonnya.

Saya berazam menggunakan segala ruang waktu yang ada untuk mendidik murid-murid dengan teknik pembimbing rakan sebaya. Saya yakin teknik ini boleh meningkatkan minat belajar dan mendorong murid-murid menyebutkan huruf-huruf dengan seronok. Saya telah melantik setiap pelajar ini seorang rakan untuk membimbing mereka.

Mereka ini akan diajar oleh rakan mereka dengan dipantau oleh saya sewaktu menunggu perhimpunan setiap pagi iaitu jam 7.20 pagi ke 7.30 pagi. Pada waktu rehat selama lima minit dan sewaktu pulang selama 10 minit. Selain itu setiap murid di kelas tahun 2 memakai kalung huruf-huruf hija'iah bersambung serta berbaris diatas dan murid kajian memanggil murid tersebut dengan panggilan huruf yang dipakai.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 LITERATUR BERKAITAN KAJIAN

Sistem pembelajaran Iqra' disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah selama enam bulan pertama semasa di tahun 1. Kaedah dan teknik pengajaran terletak pada guru. Maka timbullah pelbagai kaedah, teknik dan cara pengajaran pembacaan Iqra', namun masih ramai murid tidak berjaya menghabiskan sehingga buku Iqra' 6. Sebagai contoh sampel kajian saya ialah murid-murid tahun 2 di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14 (1).

Mengikut Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, murid yang membaca Iqra' 1 dikategorikan amatlah lemah dan buku Iqra' 2 adalah dikategorikan lemah. Maka kajian saya adalah untuk mencari satu kaedah murid berada tahap amat lemah dan lemah ini akan melangkaui sekurang-kurangnya boleh membaca Iqra' 1 dan Iqra' 2. Kaedah Iqra' adalah suatu kaedah pengajaran membaca Al-Quran yang disusun sebagai usaha mengadaptasi, mengubahsuai kaedah lama (Baghdadi) agar dapat tercapai tujuan belajar membaca Al-Quran dalam waktu singkat dan cepat. Kaedah ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Haji As'ad Humam (Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan

Muda Masjid dan Musola Yogyakarta) berdasarkan pengalaman mengajar Al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan dan penyelidikan yang mendalam.

Setelah lama menggunakan kaedah Baghdadi, ia kemudian beralih menggunakan kaedah Qiraah selama tiga tahun. Di sini ia menemui beberapa perkara yang masih perlu disempurnakan untuk kepentingan murid. Sayang sekali, pihak penyusun qiraah kurang memberi sambutan dan berpegang teguh dengan cara yang sudah disusunnya.

Atas dasar itu, setelah tidak berjaya mengadakan penyempurnaan, ia menyusun sendiri dan sekaligus menuangkan gagasannya yang dianggapnya lebih baik. Penyusunan huraiannya hampir tidak berbeza dengan qiraah. (Usop Fathuddin,3:1994).

Pada mulanya kaedah Iqra' ini digunakan dalam Majlis Tadarus Remaja di wilayah Yogyakarta dan sekitarnya yang diadakan di masjid dan musolla seminggu sekali. Lebih 600 majlis tadarus remaja berjaya ditubuhkan yang kemudiannya dikembangkan oleh aktivis tadarus remaja ini dengan membimbing anak-anak pengajian di kelompok masing-masing dan terbukti ramai kanak-kanak yang berusia 6 tahun yang mengikuti program ini telah mampu membaca Al-Quran. (H.Muhammad Jazir ASP, 1994:17).

Dengan kejayaan yang dicapai, kaedah Iqra' telah tersebar luas ke seluruh Indonesia. Berbagai-bagai badan dakwah dan organisasi serta organisasi Islam kerajaan mengendalikan kursus kaedah Iqra'. Kejayaan tersebut menarik minat negara jiran

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 KAJIAN TINDAKAN

Pada dasarnya kajian tindakan bergerak dalam satu kitaran yang berterusan melibatkan empat peringkat atau langkah iaitu:

Peringkat 1 : Merefleks

Peringkat 2 : Merancang

Peringkat 3 : Bertindak

Peringkat 4 : Memerhati

Proses kajian tindakan ini memberikan pengalaman menyelesaikan masalah kepada guru. Proses kajian tindakan ini bertitik tolak daripada proses refleksi yang dilakukan oleh guru dalam konteks tugas seharian dari segi kekuatan dan kelemahan serta masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya. Pada peringkat ini, guru perlu mengumpul data di peringkat awal, menganalisis data tersebut dan masalah bagi mencari punca sebenar.

Berdasarkan masalah yang dihadapi guru akan merancang tindakan intervensi bagi mengatasi permasalahan tersebut dan memantau sama ada tindakan berkesan atau tidak serta sejauh manakah dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Kitaran penyelidikan tindakan boleh berterusan sama ada berfokuskan kepada permasalahan yang sama atau masalah lain.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan hasil dapatan untuk kajian ini. Hasil dapatan adalah penting untuk menerangkan hasil kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana teknik pembimbing rakan sebaya dapat memantapkan bacaan iqra' murid-murid dalam pelajaran asuhan tilawah Al-Quran.


4.2 PROFIL RESPONDEN

Data profil responden diperolehi berdasarkan maklum balas daripada borang kaji selidik yang diedarkan oleh pengkaji. Hasil dapatan yang diperolehi adalah menerangkan bilangan peratus murid berdasarkan jantina, umur, pendidikan ibu bapa, minat murid dalam membaca Iqra', murid selalu membaca Iqra' atau Al-Quran di rumah, ibu bapa selalu membantu murid membaca Iqra' di rumah dan pencapaian murid sebelum dan selepas menggunakan teknik pembimbing rakan sebaya.

4.2.1 Jenis Jantina

Maklumat pertama yang boleh diperolehi daripada borang maklumat murid ialah jenis jantina murid kajian. Berdasarkan borang tersebut seramai 3 (75%) orang adalah murid lelaki manakala 1 (25%) orang adalah murid perempuan. Pecahan peratus jantina dapat dilihat pada carta pai di bawah.

Rajah 4.1 : Peratus Pecahan Mengikut Jantina Murid



4.2.2 Pekerjaan Iubapa

Terdapat tiga jenis pekerjaan sahaja yang diperolehi daripada borang maklumat murid iaitu seramai 2 orang (50%) bapa bekerja sebagai kakitangan swasta dan 1 orang (25%) sebagai peniaga dan 1 orang (25%) bekerja buruh. Manakala bagi ibu pula seramai 2 orang (50%) sebagai suri rumah dan 2 orang (50%) bekerja.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan hasil kajian secara menyeluruh berdasarkan analisis yang diperoleh di dalam bab 4. Perbincangan dan rumusan adalah meliputi hasil dapatan keseluruhan berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Akhir sekali, beberapa cadangan dibuat berdasarkan hasil kajian yang dikemukakan dengan tujuan meningkatkan lagi penguasaan pelajar dalam bacaan Iqra' seterusnya meningkatkan prestasi pelajar dalam pendidikan Islam di samping menimbulkan minat lebih mendalam terhadap bacaan Iqra'.

5.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan keputusan kajian berdasarkan dapatan kajian yang telah diperolehi.

5.2.1 Latar Belakang Responden

Secara keseluruhannya, responden dalam kajian ini terdiri dari 4 orang murid tahun 2 di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya di mana tempat pengkaji mengajar ketika ini. Responden terdiri daripada 3 (75%) lelaki dan 1 (25%) perempuan. Senarionya, murid lelaki di Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1), Putrajaya lebih banyak yang tidak dapat membaca Iqra' dengan baik dan sempurna.

5.2.2 Penguasaan Pelajar Terhadap Iqra'.

Tinjauan awal terhadap responden berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran bacaan Iqra' mereka mendapati tahap keseluruhan penguasaan responden berada pada tahap lemah. Ini ada kerana hanya 25 peratus responden mengakui mereka lancar dalam bacaan Iqra' kerana faktor persekitaran. Faktor persekitaran juga memainkan peranan penting dalam penguasaan pelajar terhadap bacaan Iqra'. Kebolehan ibubapa dalam bacaan Iqra' sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran tersebut dan mempelajarinya di rumah dengan bantuan ibu bapa.

Untuk item ini, hanya 25 peratus sahaja ibu bapa responden membaca Al-Quran di rumah dan hanya 25 peratus yang mengajar responden di rumah membaca Al-Quran dan Iqra'. Namun sebanyak 100 peratus mengakui mempunyai Iqra' dan Al-Quran di rumah.

BIBLIOGRAFI

Ustaz Haji As'ad Humam “ *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Alquran*”. Luqqistrade (M) Sdn. Bhd. Darulfikir. Cetakan Keempat 2016.

Haji Mohd Yusuf Haji Zuhri “ *Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran*” : Pengenalan Singapura
(Kertas Kerja) : *Seminar Kaedah Membaca Alquran Yang Mudah*. Bandar Seri Bigawan Brunei Darus Salam. 22-25 Julai.

Haji Mohd Jazir 1994 “ *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran*”
(Kertas Kerja) : *Seminar Kaedah Membaca Al-Quran Yang Mudah*. Bandar Seri Begawan Brunei Darus Salam. 22-25 Julai.

Mohd Muqri Haji Abdullah “ *Kaedah Pengajaran Al-Quran Berkesan*”

Ramlan Muhammad (1995) : *Kemahiran Membaca Alquran dan Jawi Pelajar-Pelajar Tingkatan 1 Sekolah Berasrama Penuh* : Kajian Kes (Online) : [Http.: Ppk Kpm My/Eprd/Atx419 Htm](http://Ppk Kpm My/Eprd/Atx419 Htm)

Rasyidah Syamsudin (2004) : “*Pendidikan Dalam Era Bestari*”
(Online) :: [http:// www. geocities.com/kump](http://www.geocities.com/kump) Mei 20 2007 20 Jun 2016

Salbiah Ishak (1995) : “*Amalan Penilaian Formatif Dalam Pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah*”

Syarifah Alwiyah (1987) “*Psikologi Pendidikan*” : Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

RUJUKAN INTERNET

<http://akademik.ukm.my/eda/projekge6553/pengukuran.htm?PHPSESSID=8b075daa0f91> Jun 2016

<http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2003/ahmadKUIMkk.pdf>
[#PENDIDIKAN %2ISLAM 12 Jun 2016](http://akademik.ukm.my/eda/projekge6553/islam.html)

RUJUKAN SURAT KHABAR

Utusan Malaysia (2005): Program J-Qaf Mampu Meningkatkan Pencapaian Pelajar. Utusan Malaysia (23 Disember 2005)